

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5

Kerajaan jimat RM11 bilion jajaran semula ECRL

Kerajaan jimat RM11 bilion jajaran semula ECRL

KUALA LUMPUR - Kerajaan berjaya menjimatkan kos sebanyak RM11 bilion melalui usaha perundingan yang berkesan bagi penjajaran semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, rundingan telah dibuat sebanyak dua kali bersama pihak kontraktor utama iaitu syarikat CCCC bagi mendapatkan nilai yang lebih baik pada harga yang kompetitif.

"Antara semakan semula yang dilakukan termasuk menjajarkan semula Seksyen A (Kota Bharu-Dungun) agar menjauhi pantai bagi meningkatkan keselamatan dan kecekapan operasi ECRL kelak.

"Penjajaran semula Seksyen C (Temerloh-Pelabuhan Klang) pula bagi meningkatkan kecekapan operasi kargo," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Sementara itu di **KOTA BHARU, KELANTAN**, Menteri di Kedutaan China ke Malaysia, Tang Rui memaklumkan kerja-kerja pembinaan ECRL sudah mencapai kemajuan sebanyak 40 peratus.

"Berpandukan kepada situasi tersebut, projek itu dijangka siap mengikut jadual yang ditetapkan," kata beliau.